



OPERASI yang dijalankan DBKL sekitar luar kompleks Pasar Borong Kuala Lumpur kelmarin. – IHSAN DBKL

12 premis halang laluan disita DBKL

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita 12 premis di Pasar Borong Kuala Lumpur, di sini, atas kesalahan meletakkan barangan mereka sehingga menghalang laluan awam kelmarin.

Premis terlibat tersebut terletak di sekitar Jalan 2/3A dan Jalan 6/3A di Pusat Bandar Utara, Selayang.

DBKL berkata, tindakan itu diambil ketika operasi diadakan bersama Jabatan Penguatkuasaan, Pejabat Cawangan Batu dan Pejabat Cawangan Wangsa Maju di luar kompleks Pasar Bo-

rong Kuala Lumpur.

“Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan di sekitar luar kompleks Pasar Borong Kuala Lumpur melibatkan pemeriksaan terhadap premis perniagaan borong sayuran, buah-buahan dan barangan am yang menghalang tempat awam.

“Selain menghalang laluan, kita juga mengesan aktiviti penjajaan daripada warga asing terutama dalam kalangan etnik Rohingya, Myanmar.

“Sejumlah 12 premis dikenakan tindakan sita dan pindah barangan kerana kesalahan

menghalang tempat awam mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1971,” katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam kenyataan sama, DBKL berkata, pihaknya turut menyita barangan jualan dua penjaja warga asing kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen yang melanggar Undang-Undang Kecil (UUK) 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.

“Semua barangan disita dipindahkan ke Stor Sitaan DBKL Taman Miharja, Cheras,” ujarnya.